

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA LANGGANAN KHAS  
PANGKALAN DATA KOMERSIL (JKPDK) (3/2008)**

**TARIKH : 16HB JULAI 2008 (RABU)**  
**MASA : 9.00 PG - 12.00 TENGAHARI**  
**TEMPAT : BILIK MESYUARAT, BLOK B**  
**PERPUSTAKAAN SULTAN ABDUL SAMAD**  
**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**Hadir:**

Pn Hajjah Nooraini Ismail	(UIAM)	-	Pengerusi JKPDK
Pn Noorhashimah Aris	(UIAM)	-	Setiausaha I
Pn Ruzita Ramly	(OUM)	-	Setiausaha II
En Abdul Muhaimin Sabron	(UKM)		
En Ahmad Munawar Mohmad Anuar	(OUM)		
Pn Hani Liza Hj Norfin	(UiTM)		
Pn Khairulbahiyah Yaakub	(UTM)		
Pn Mazmin Mat Akhir	(UniMAP)		
En Md Yazid Muji	(UNITEN)		
En Mohammed Ariff Hj Ahmad	(MPOB)		
En Muzaffar Shah Kassim	(UPM)		
Pn Nazatul Shima Baroji	(UMP)		
Pn Nor Aziah Abdullah	(UiTM)		
Pn Norbaya Muda	(UIAM)		
Pn Rabiatal Ahya Md Sharif	(UTP)		
Pn Rasida Abu Bakar	(UteM)		
Pn Rohayah Maliki	(MARDI)		
Pn Rosnah Yusof	(UKM)		
Pn Shukra Shuib	(UUM)		
Pn Siti Raudhah Ruslan	(UTHM)		
Pn Sofiah Khalid	(UDM)		
Pn Sukmawati Muhd	(USM)		
Cik Sutarmi Kasimun	(UM)		
Pn Wan Kartini Wan Sulaiman	(UPSI)		
Pn Wan Rosnida Wan Mohamad	(UMT)		
En Mohammed Dzulkarnain	(UPNM)		

**Kata-kata Aluan Pengerusi**

Pengerusi mengalu-alukan kehadiran semua ahli JKPDK.

## **AGENDA**

### **1. Perkara Berbangkit daripada Minit Mesyuarat JKPDK 2/2008**

#### **Perkara 1: Perkara Berbangkit daripada Minit Mesyuarat JKPDK (1/2008)**

##### **Perkara 3: Langganan 2009**

Pengerusi memaklumkan bahawa cadangan langganan MOHE untuk tahun 2009 ditangguhkan terlebih dahulu memandangkan rancangan langganan MOHE untuk tahun 2008 tidak berjalan dengan baik dan masih tertangguh atas beberapa sebab.

***Tindakan: MAKLUMAN***

##### **Perkara 4: Senarai Induk Pangkalan Data (SIPDK)**

(4.1) Cik Sutarmi (UM) memaklumkan bahawa semua institusi boleh menyemak sendiri data masing-masing di dalam SIPDK. Setiap institusi yang masih belum melengkapkan data diminta untuk melengkapkannya dalam masa terdekat.

***Tindakan: SEMUA AHLI PERPUN***

(4.2) Cik Sutarmi juga memaklumkan tentang masalah *login* yang kadang-kala dihadapi semasa mengakses SIPDK. Pihak MMU diminta untuk meneliti masalah ini bagi memudahkan akses.

***Tindakan: MMU***

##### **Perkara 5: Langganan Blackwell Synergy Package**

Menurut Pn Shukra (UUM), pihak John Wiley telah memaklumkan bahawa sebarang urusan berkaitan Blackwell Synergy mesti dibuat hanya dengan pihak John Wiley sahaja dan bukan Access Dunia.

Pn Shukra mengambil perhatian ahli berkaitan akses kepada Blackwell Synergy daripada luar kawasan kampus. Menurutnya, akses dari luar hanya dibenarkan secara *roaming* sahaja dan perlu diaktifkan pada setiap 90 hari. Pn Shukra telahpun memaklumkan pihak John Wiley berkenaan dengan pengaktifan ini tetapi maklumbalas masih belum diterima.

En Muzaffar (UPM) memaklumkan bahawa pihak John Wiley akan mengadakan lawatan dan perbincangan dengan pihak Perpustakaan UPM pada 25 Julai 2008 diikuti dengan beberapa perpustakaan lain mengikut jadual yang telah ditetapkan oleh pihak John Wiley. En Muzaffar juga mencadangkan untuk menjemput John Wiley memberi demo. Pengerusi meminta Pn Noorhasimah (UIAM) menghubungi John Wiley untuk mendapatkan persetujuan dan penetapan tarikh.

***Tindakan: MAKLUMAN & Pn Noorhasimah Aris (UIAM)***

## **Perkara 6: Statistik penggunaan pangkalan data**

(6.1) En Yazid (UNITEN) memaklumkan bahawa perbincangan telahpun dibuat bersama ahli Jawatankuasa Kecil dan juga dengan En Siva dari DataStream. Hasil perbincangan menggariskan beberapa kriteria penilaian yang sesuai digunakan iaitu berdasarkan:

- Kelajuan akses internet secara dalaman (internal), luaran (external) dan semasa muatturun maklumat.
- Ketepatan data yang diberikan, misalnya ketepatan butiran profil firma yang disenaraikan.
- Kekerapan data dikemaskini dan jarak jangkamasa pengemaskinian dibuat.
- Kebolehan dan bagaimana perbandingan data boleh dibuat
- Kebolehan mengeluarkan data dalam pelbagai format seperti Excel atau SPSS

Jawatankuasa akan mengadakan perbincangan lanjut untuk cuba mewujudkan garis panduan dan standard yang sesuai bagi tujuan penilaian prestasi pangkalan data statistik. Proposal perlu disiapkan dan dihantar kepada Pengerusi pada bulan Oktober 2008.

***Tindakan: AHLI YANG DILANTIK***

(6.2) En Yazid juga memaklumkan bahawa beliau akan berpindahkan ke bahagian Rujukan di Perpustakaan UNITEN. Oleh itu, beliau tidak akan mewakili UNITEN dalam mesyuarat JKPDK akan datang. Tempat beliau akan diganti oleh En Mohd Nizam Saad. Pengerusi mengucapkan terima kasih atas segala kerjasama baik yang telah diberikan oleh En Yazid sepanjang bersama JKPDK.

***Tindakan: MAKLUMAN***

(6.3) Pn Mazmin (UniMAP) mengambil perhatian mesyuarat tentang beberapa kaedah pengiraan yang boleh digunakan untuk menilai data statistik seperti Counter standards dan SUCHI. Pengerusi mencadangkan Pn Mazmin dimasukkan ke dalam Jawatankuasa Kecil an sama-sama berkongsi pengalaman serta pengetahuan dengan ahli sedia ada.

***Tindakan: Pn Mazmin Mat Akhir (UniMAP)***

## **Perkara 3.1: Garispanduan penilaian prestasi pembekal**

En Muzaffar mengajukan soalan samada garispanduan ini masih perlu disediakan memandangkan isu langganan MOHE masih belum selesai. Pengerusi memaklumkan bahawa garispanduan tetap perlu dikeluarkan kerana ia bukan sahaja untuk tujuan langganan MOHE tetapi juga untuk kegunaan semua ahli PERPUN.

***Tindakan: AHLI JAWATANKUASA KECIL YANG DILANTIK***

## Perkara 5.1

Pengerusi memaklumkan bahawa surat perlantikan Pn Korina Ibrahim (UNIMAS) sebagai Timbalan Pengerusi telahpun disediakan dan akan diserahkan dengan segera.

*Tindakan: Pn Noorhasimah Aris (UIAM)*

## 2. Status Langganan PDK - MOHE

Pengerusi menjelaskan situasi latarbelakang perbincangan dan perjanjian antara PERPUN dan MOHE untuk langganan PDK tahun 2008 semasa inisiatif permulaan dibuat. Difahamkan bahawa perbincangan dan perjanjian yang dibuat tidak pernah dilakukan secara bertulis atau direkodkan. Perjanjian juga adalah hanya antara pihak PERPUN dan MOHE, tanpa pengetahuan pihak Kementerian Kewangan (MOF). Apabila berlaku peralihan tampuk kementerian dan beberapa staf dalam MOHE, segala perbincangan dan perjanjian asal tidak diambilkira kerana tiada persetujuan dari pihak MOF untuk memberikan dana RM10 juta bagi tujuan tersebut.

Sehubungan itu, satu proposal baru telah disediakan untuk permohonan semula. Atas arahan pihak MOHE, proposal ini tidak memasukkan ahli GLC di dalam senarai penerima kerana dimaklumkan MOF tidak akan membiayai institusi swasta. Dengan penolakan ahli GLC, jumlah penerima telah berkurangan dan ini menaikkan jumlah harga langganan bagi setiap IPTA. Sebutharga baru terpaksa dikeluarkan sekali lagi oleh pihak pembekal dengan jumlah harga baru tanpa senarai GLC. Buat masa ini, hanya pihak BLIS dan Ebsco sahaja yang telah menghantar sebutharga baru. Manakala pihak IEEE dan ProQuest masih belum memberi maklumbalas. Urusan ini tertangguh sehingga semua sebutharga diperolehi.

Dengan permasalahan yang timbul, Pengerusi mengambil perhatian semua ahli untuk sentiasa mewajibkan perjanjian bertulis dalam mana-mana perbincangan penting bagi mengelak sebarang kesulitan di masa hadapan.

Pengerusi juga menegaskan bahawa MOHE sentiasa bersedia memberi bantuan kepada semua IPTA/S dan mencadangkan untuk mengambil wakil dari semua IPTA untuk dimasukkan dalam vote langganan MOHE di masa akan datang.

*Tindakan: MAKLUMAN*

Untuk tajuk pangkalan data bagi langganan akan datang, Pengerusi mencadangkan untuk mempertimbangkan semula pengambilan pembekal yang sama dan menukar tajuk pangkalan data yang telah dicadangkan sebelum ini. Keutamaan diberikan kepada pembekal yang boleh bertolak-ansur dan memberi kerjasama yang baik untuk mengelak sebarang kesulitan semasa perjanjian dibuat.

Pn Mazmin menyuarakan cadangan pembelian pangkalan data *one-time purchased* kerana bahan boleh disimpan sebagai koleksi. Mesyuarat bersetuju dengan cadangan tersebut kerana pembelian cara ini tidak melibatkan

keperluan membaharui langganan pada setiap tahun, sekaligus memerlukan proposal baru dihantar ke MOHE pada setiap tahun untuk mendapatkan dana. Jawatankuasa perlu menyediakan satu senarai pangkalan data *one-time purchased* untuk tujuan pemilihan pada Mesyuarat akan datang.

***Tindakan: MAKLUMAN & Pn Noorhasimah Aris (UIAM)***

En Muzaffar mengajukan soalan berkaitan dengan bayaran penggunaan semasa *trial* dan langganan kepada BLIS di bawah MOHE bagi perpustakaan yang tidak melanggannya. Pn Noorhasimah memaklumkan bahawa pihak BLIS iaitu Cik Rita telahpun menghantar emel bertanyakan tentang cara yang sesuai untuk menghantar invois langganan BLIS. Menurut Pn Noorhasimah, Cik Rita memaklumkan bahawa mana-mana ahli boleh menamatkan atau meneruskan langganan BLIS pada bila-bila masa sahaja. Bayaran penggunaan hanya akan dikenakan untuk bulan-bulan sehingga penamatan langganan. Bayaran akan dikira secara *pro-rate*.

Pengerusi mencadangkan kepada mana-mana perpustakaan yang tidak memerlukan BLIS untuk menamatkan langganan dan menghubungi terus ke BLIS untuk tujuan tersebut. Pihak BLIS juga akan dihubungi untuk membincangkan sekiranya pembayaran langganan *trial* tahun ini boleh ditunda sehingga tahun hadapan dengan menggunakan *vote* 2009.

Walau bagaimanapun, Pengerusi meminta semua ahli untuk mempertimbangkan semula keputusan penamatan langganan dan melakukan promosi BLIS kepada semua pengguna untuk mendapatkan penilaian yang lebih baik tentang prestasi pangkalan data tersebut.

***Tindakan: MAKLUMAN***

En Wan Suhaimi (PPUKM) mencadangkan PERPUN untuk melihat bagaimana langganan pangkalan data secara berpusat ini dibuat di negara lain. Beliau memberi contoh yang diamalkan di Thailand di mana terdapat sebuah unit di bawah MOHE Thailand yang melanggan dan menempatkan beberapa pangkalan data dan akses diberikan kepada universiti-universiti berkenaan. Pengerusi akan mempertimbangkan model ini untuk dimasukkan sebagai cadangan di dalam proposal kepada MOHE kelak.

***Tindakan: Pengerusi***

### **3. Bengkel ROI**

Cadangan diterima untuk mengadakan Bengkel ROI bersamaan dengan tarikh mesyuarat akan datang iaitu pada 15 - 16 Oktober 2008 bagi menjimatkan kos. Lokasi yang dicadangkan oleh AJK Bengkel ROI iaitu Langkawi dikekalkan. Pengerusi akan membuat perjumpaan dengan Pengerusi PERPUN untuk mendapatkan persetujuan lokasi tersebut. Sekiranya tidak dipersetujui, bengkel akan diadakan di USM, Pulau Pinang.

AJK Bengkel diminta untuk mengadakan mesyuarat bagi membincangkan semula bengkel berkenaan. Tarikh bengkel adalah tentatif sehingga mendapat pengesahan daripada penceramah/fasilitator.

**Tindakan: MAKLUMAN & AJK BENGKEL ROI**

**4. MyULIS**

Pn Nazatul Shima (UMP) melaporkan bahawa hingga kini terdapat sejumlah 24,895 judul artikel di dalam myULIS. Memandangkan PNM kini sedang mengusahakan projek KIK, Pn Shima mengajukan persoalan samada projek myULIS perlu diteruskan memandangkan duplikasi akan wujud kerana kedua-dua myULIS dan KIK mungkin akan mengandungi bahan yang sama. Pengerusi meminta projek myULIS diteruskan sehingga projek KIK dilancarkan dan dapat berfungsi dengan baik. Pihak Perpustakaan UMP diminta untuk menghubungi pihak PNM untuk mendapatkan maklumat lanjut berkaitan dengan projek KIK bagi mengelak sebarang pembaziran.

Pn Shima juga mengajukan pertanyaan tentang status penggunaan server UMP untuk projek myULIS di masa akan datang dari segi keperluan penambahan ruang. Pengerusi memaklumkan bahawa PERPUN dalam proses membeli server baru khusus untuk pangkalan data langganan MOHE. Server ini akan ditempatkan di Perpustakaan UPM dan dikendalikan oleh pihak Perpustakaan UPM.

**Tindakan: MAKLUMAN & UMP**

**5. Tuntutan IEEE untuk Pembayaran Langganan Sebanyak USD76,515**

Berikutan dengan permasalahan yang timbul dalam perjanjian langganan MOHE, beberapa masalah lain timbul dalam pembayaran langganan semasa *trial* untuk IEEE. Apabila IEEE menuntut institusi di bawah konsortium untuk membayar akses yang diperolehi semasa *trial*, pihak Perpustakaan OUM tidak dapat membuat justifikasi untuk menjelaskan pembayaran tersebut kerana merasakan adalah tidak munasabah untuk membayar langganan apabila akses tidak pernah diberikan kepada OUM sejak awal. Selepas beberapa perbincangan, Perpustakaan OUM telah digugurkan dari senarai penerima IEEE dan kos asal iaitu USD73,900 telah dinaikkan kepada USD76,515 dan ditanggung oleh perpustakaan lain di dalam senarai penerima.

Untuk langganan IEEE - MOHE seterusnya, Pengerusi mencadangkan untuk meneruskan langganan di bawah MOHE mengikut harga yang dipersetujui untuk tahun 2008. Sekiranya harga langganan IEEE meningkat pada tahun 2009, ahli hanya perlu membayar baki dari jumlah yang ditanggung oleh MOHE.

En Muzaffar mencadangkan agar digugurkan terus IEEE daripada langganan MOHE kerana IEEE tidak memberi kerjasama yang baik. Mesyuarat bersetuju, oleh itu langganan akan dibuat secara individu oleh perpustakaan sendiri seperti sebelumnya.

**Tindakan: MAKLUMAN**

## **6. Hala Tuju JKPDK**

Pengerusi memaklumkan bahawa satu manual atau garis panduan sedang disediakan oleh beberapa ahli JKPDK untuk kemudahan dan kegunaan semua ahli di masa akan datang. Garis panduan ini akan menyatakan perkara seperti objektif, fungsi, skop tugas dan tanggungjawab ahli, jawatankuasa kecil dan sebagainya. Garis panduan ini juga akan menjadi panduan untuk memperkukuhkan JKPDK dan membantu dalam rundingan kontrak perjanjian langganan pangkalan data di masa akan datang.

***Tindakan: MAKLUMAN***

## **7. Hal-hal lain**

Pengerusi mengambil perhatian mesyuarat tentang aktiviti JKPDK yang masih belum dijalankan iaitu pembentangan laporan penggunaan pangkalan data atau *usage report*. Ahli diminta merujuk kepada Minit Mesyuarat JKPDK 2/2008 untuk senarai pembentang dan pangkalan data yang perlu dikaji. Cadangan diterima untuk mengadakan pembentangan pada bulan Ogos memandangkan Bengkel ROI telah dijadualkan pada bulan Oktober, September pula merupakan bulan Ramadhan, manakala November dan Disember telah memasuki cuti sekolah.

Pn Nazatul Shima menyarankan Bengkel myULIS yang telah lama ditunda diadakan bersama dengan pembentangan laporan penggunaan untuk menjimatkan kos. Bengkel akan diadakan selama 2 hari iaitu separuh hari diperuntukkan untuk myULIS dan selebihnya untuk pembentangan laporan penggunaan pangkalan data. OUM telah menawarkan tempat untuk menganjurkan bengkel tersebut.

***Tindakan: OUM & UMP***

En Wan Suhaimi mengajukan permasalahan di PPUKM berkaitan dengan pembayaran langganan pangkalan data terutamanya dengan pihak John Wiley. Isu berkaitan dengan keperluan kedua-dua belah pihak untuk menandatangani kontrak perjanjian sebelum bayaran dapat diluluskan oleh pihak Bendahari. Variasi kelulusan pembayaran dimaklumkan oleh beberapa perpustakaan lain. Pengerusi memaklumkan bahawa syarat kelulusan adalah tertakluk kepada pihak Universiti masing-masing, maka perpustakaan perlu akur dengan syarat yang ditetapkan.

***Tindakan: MAKLUMAN***

Cik Sutarmi (UM) memaklumkan bahawa Bendahari UM telah menetapkan bahawa semua langganan pangkalan data yang melebihi RM50,000 ke atas perlu melalui Kementerian Kewangan untuk kelulusan terlebih dahulu. Perpustakaan UTM juga mengesahkan syarat yang sama diamalkan di UTM. Menurut Pn Khairulbahiyah (UTM), wakil dari Kementerian Kewangan telah memaklumkan bahawa satu garis panduan akan

dikeluarkan berkaitan dengan had kelulusan ini tetapi tarikh keluaran belum dapat ditentukan.

***Tindakan: MAKLUMAN***

En Muzaffar menarik perhatian ahli berkaitan dengan surat edaran tentang syarat langganan bercetak. En Dzulkarnain (UPNM) mengesahkan bahawa pihak Bendahari semua universiti sepatutnya telah maklum dengan edaran ini. Ahli diminta menggunakan edaran yang sedia ada bagi tujuan langganan bahan bercetak sehinggalah ada edaran yang baru.

***Tindakan: MAKLUMAN***

#### **8. Penangguhan Mesyuarat**

Pengerusi mengucapkan terima kasih di atas kehadiran ahli. Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.00 tengahari.